

DALAM dunia yang bergerak pantas dan sarat dengan maklumat, inovasi sering diangkat sebagai kunci kemajuan, sama ada di sekolah, universiti, organisasi kecil mahupun syarikat multinasional. Namun, satu hakikat yang jarang dibincangkan ialah punca sebenar inovasi terbantut bukan kerana kita kekurangan idea, tetapi kerana idea gagal difahami, dikongsi dan dikembangkan dengan jelas. Di sini peranan komunikasi visual spontan dan lakaran visual spontan menjadi kritikal.

Ramai beranggapan inovasi lahir daripada kepetahan bercakap, slaid yang cantik atau laporan tebal beratus muka surat. Hakikatnya, inovasi bermula daripada keupayaan minda untuk menzahirkan masalah dan penyelesaian secara visual dengan pantas. Selain daripada itu, visual yang dihasilkan perlu mudah difahami oleh orang lain. Tanpa kemahiran ini, inovasi akan terhenti pada peringkat idea dan sukar untuk dibawa ke fasa pelaksanaan. Kesemua ini berpunca ketidakupayaan individu untuk menggunakan komunikasi visual spontan.

LAKARAN VISUAL SPONTAN : BAHASA SEJAGAT UNTUK MENJANA IDEA.

Lakaran visual spontan bukan hasil seni untuk dijadikan bahan dalam pameran. Ia adalah satu kemahiran membantu seseorang individu mahupun kumpulan untuk berfikir. Satu garisan anak panah, simbol atau rajah ringkas mampu menerangkan hubungan kompleks yang sukar dijelaskan dengan kata-kata. Dalam satu perbincangan, lakaran di kertas atau papan putih boleh memastikan semua orang dalam muka surat yang sama. Sesuatu yang mungkin gagal dicapai dengan berucap berjam-jam dalam sesuatu mesyuarat.

Tanpa kemahiran ini, komunikasi spontan menjadi kabur dan subjektif. Setiap orang membayangkan perkara yang berbeza walaupun mendengar ayat yang sama. Akibatnya, keputusan menjadi lambat, pelaksanaan tersasar, dan inovasi akhirnya mati tanpa dapat dilaksanakan dengan berkesan.


DI PERINGKAT SEKOLAH: IDEA MURID TERKURUNG DALAM MINDA

Di sekolah, khususnya di peringkat rendah dan menengah, murid sebenarnya

kaya dengan imaginasi dan idea-idea bernas. Namun, tanpa mahir lakaran visual spontan, idea mereka sering terperangkap dalam minda. Murid tahu jawapan, tetapi gagal menerangkannya dengan baik. Mereka faham konsep yang diajar oleh guru, tetapi tidak mampu menunjukkan kefahaman secara jelas apabila diminta untuk mengulasnya. Akhirnya ketidakmampuan menggunakan lakaran visual spontan menjadikan mereka "nampak" tidak pandai dan tidak berinovasi.

Kesan jangka panjangnya amat besar. Murid menjadi pasif dan tidak yakin untuk menyatakan idea-idea bernas mereka. Pemikiran kritikal dan kreatif sukar berkembang kerana mereka gagal menzahirkan idea-idea dengan sempurna. Inovasi terbantut kerana mereka tidak mampu melihat masalah atau penyelesaian


SEMUA ORANG ADA IDEA-IDEA INOVATIF, MALANGNYA MEREKA TIDAK MAHIR MELAKAR UNTUK ZAHIR IDEA



INOVASI TERBANTUT AKIBAT TIDAK MAHIR MELAKAR IDEA



Inovasi terbantut tanpa lakaran visual spontan

APA YANG KITA
FIKIR...



KITA
TIDAK
MELAKAR
IDEA...

APA YANG MEREKA
FIKIR...



MEREKA

INOVASI TERBANTUT AKIBAT SALAH FAHAM